

Hari terbuka Usim, esok

NILAI - Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan Hari Terbuka Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sempena Sambutan Ulang Tahun ke-15 Usim di kampus induknya di sini, esok.

Pengarah Pusat Komunikasi Strategik Usim, Dr Faizal Kasmani berkata, program sehari bermula 9 pagi hingga 5 petang itu memberi peluang kepada warga Usim serta ibu-bapa mengenali universiti berkenaan dengan lebih dekat.

Menurutnya, pelbagai pengisian sudah diatur sepanjang program berlangsung bermula dari peringkat kanak-kanak, pelajar sekolah, penuntut universiti dan komuniti.

"Pengunjung juga boleh mendapatkan maklumat langsung program akademik dari gerai fakulti dan meneroka alam sains dengan aktiviti *science outreach*," katanya di sini, semalam.